



PERHIMPUNAN BULANAN MYSIHAT 2017 (JANUARI) PADA 11 JANUARI 2017 (RABU)

Pada 11 Januari 2017 (Rabu) telah berlangsung Perhimpunan Bulanan (Januari) MySihat Serta Amanat dan Perutusan Tahun 2017 Oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Hj. Mohd Nasir Bin Mohd Ashraf, Pengerusi MySihat.

Antara intipati perhimpunan oleh Y. Bhg. Tan Sri Pengerusi MySihat adalah MySihat akan terus komited bersama-sama rakan kongsi untuk menerajui dan bersama-sama mempromosikan dan menggalakkan amalan cara hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia bagi mengurangkan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).

MySihat berazam untuk terus memperbaiki dan ditambah nilai supaya pencapaian tahun 2017 ini akan lebih cemerlang dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan negara seiring tujuan utama penubuhan MySihat ialah untuk menyokong usaha-usaha kerajaan dalam mempromosikan kesihatan rakyat Malaysia dengan memberi tumpuan kepada promosi gaya hidup sihat dengan berganding sama Kementerian Kesihatan Malaysia.





